

05/03/2005

Mahathir-Aceh

BANTUAN KEMANUSIAAN KE ACEH PERLU DITERUSKAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 5 Mac (Bernama) -- Bantuan kemanusiaan ke Aceh perlu diteruskan sehingga mangsa tsunami di sana mampu membiayai kehidupan masing-masing, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata berdasarkan penerangan beberapa pihak yang pergi ke Aceh, beliau dimaklumkan masih terdapat penduduk yang berada di kawasan terpencil memerlukan bantuan secara langsung.

"Bantuan makanan perlu diteruskan supaya bekalan makanan tidak terputus, sehinggalah mereka mampu menyara kehidupan kembali," katanya kepada pemberita di Jeti Kuah, di sini hari ini selepas menyambut kepulangan kumpulan misi penghantaran makanan melalui feri.

Kumpulan 23 anggota gabungan pelbagai pihak yang prihatin terhadap mangsa tsunami di Aceh, menghantar bekalan makanan, ubat-ubatan dan benih, berlepas ke Aceh Rabu lepas menaiki sebuah feri yang disewa oleh Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata selain makanan, benih pertanian juga diperlukan bagi membolehkan mangsa memulakan usaha bercucuk tanam.

"Sumbangan dermawan sangat dihargai supaya kita dapat menghantar lebih banyak makanan ke sana," katanya.

Penyelaras kumpulan itu Zainal Rashid berkata rombongan berkenaan akan menghantar 600 tan lagi bahan makanan, ubat dan benih pertanian, menerusi feri.

Katanya setiap perjalanan yang membawa bersama pelbagai bekalan ke Aceh, memerlukan RM250,000.

"Tinjauan kami mendapati dua sekolah di situ perlu dibangunkan semula", katanya.

Sementara itu Dr Mahathir yang ditanya mengenai Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) Disember ini, berkata beliau yakin pameran itu akan lebih berjaya berikutan sambutan yang mengalakan.

"Saya mendapat tahu bahawa Lima `05 mendapat sambutan dan penyertaan ramai", katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini berkata setakat ini lebih daripada 14,000 meter persegi ruang pameran Lima `05 yang merupakan acara penting dalam kalendar pameran pertahanan sedunia, sudah ditempah.

Dr Mahathir juga berkata nama kejohanan lumba basikal berprestij Le Tour de Langkawi (LTdL), tidak wajar ditukar kerana ia sudah pun terkenal di seluruh dunia.

"Saya berharap ia tidak berubah kerana sudah terkenal dengan Le Tour de Langkawi dan pada asalnya kejohanan itu bermula di Langkawi," katanya.

Mengenai Kejohanan Ironman 2005 yang kurang mendapat sambutan, Dr Mahathir berkata malapetaka tsunami adalah antara sebab kejohanan itu kurang mendapat sambutan kali ini.

Pada kejohanan itu, hanya 38 atlet dalam dan luar negeri bertanding berbanding 430 atlet yang mengambil bahagian pada Kejohanan Ironman 2004.

-- BERNAMA

ZI MZM LAT